

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 27 JULAI 2020

SOALAN

YB. TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan senaraikan jumlah hotel mengikut bintang yang ditutup dan tidak lagi dapat beroperasi kerana COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, bidang tugas Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di bawah peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] dan Peraturan-Peraturan ialah menguruskan pendaftaran dan pengelasan premis penginapan pelancong. Skim pengelasan hotel telah dilaksanakan sejak 1996 bagi penarafan bintang dan 1999 bagi penarafan orkid secara sukarela (*voluntary basis*).
2. Pada tahun 2010, Kementerian ini telah melaksanakan penarafan dengan menggunakan Kriteria Minimum Pengelasan Premis Pengelasan Pelancongan iaitu taraf 1-5 Bintang untuk hotel, 3-5 Bintang untuk hotel apartment dan 1-3 Orkid untuk hotel yang tidak dapat dikelaskan mengikut taraf bintang. Sehingga 30 Mei 2020, terdapat 4,889 premis penginapan pelancong telah berdaftar dengan Kementerian dan sebanyak 2,025 premis telah dikelaskan.
3. Data yang diperolehi daripada pihak persatuan-persatuan hotel yang diiktiraf oleh Kementerian ini iaitu *Malaysian Association of Hotels (MAH)*, *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)* dan *Malaysia Budget Hotel Association (MyBha)* menunjukkan, dalam tempoh antara 18 Mac 2020 hingga 1 Julai 2020, sebanyak 36 buah premis penginapan pelancong pelbagai taraf bintang telah menutup operasi.

Sekian, terima kasih.